

# KAJISELIDIK PRU14

Keputusan awal dan pemerhatian dari kajiselidik 104,340  
pengundi mengenai pertandingan 3-penjuru



© INVOKE Centre for Policy Initiatives  
19 Januari 2017

# Kandungan

- Pengenalan I-CPI
- Latar belakang Kajiselidik PRU14
- Demografi pengundi berdaftar
- Keputusan Kajiselidik PRU14
- Senario keputusan PRU14 mengikut tahap sokongan
- Pemerhatian utama



# Pengenalan I-CPI

- *INVOKE Centre for Policy Initiatives* (I-CPI) adalah sebuah pusat kajian dasar. I-CPI memberi tumpuan kepada kajian untuk membangunkan dasar-dasar yang praktikal dan memberi penyelesaian yang difahami rakyat.
- Kajian kami menggunakan pendekatan statistik yang memberi lebih penekanan kepada pembuktian melalui analisa data yang dikumpul dari orang ramai yang dipanggil “*big data analytics*”.



# Pengenalan I-CPI

- I-CPI menerbitkan dan mengusahakan kajian berikut:
  - i. Laporan bulanan mengenai situasi ekonomi dan politik Malaysia, dari perspektif penggubal undang-undang pembangkang, pembuat dasar dan pemikir
  - ii. Kertas dasar atas isu utama, yang membolehkan pelanggan berbayar memahami pendekatan dasar pembuat dasar pembangkang
  - iii. Kajiselidik khusus mengenai isu politik, ekonomi dan sosial
- Untuk maklumat lanjut, lawati <http://cpi.invokemalaysia.org>



# I-CPI: Pasukan penyelidik

## Shaun Kua

Lulusan undang-undang dari universiti ternama dunia iaitu Oxford University, Shaun adalah salah seorang dari tiga sukarelawan terawal INVOKE.

Beliau kini adalah Ketua Pegawai Strategi INVOKE dan bertanggungjawab membangunkan pendekatan berasaskan data (termasuk perisian dan sistem) yang digunakan INVOKE. Beliau memulakan Pusat Panggilan Kajiselidik I-CPI dari peringkat konsep hinggalah operasi penuh.

Shaun adalah seorang pemimpin pelajar yang aktif dan bekas Presiden Persatuan Mahasiswa Malaysia di Oxford University.



# I-CPI: Pasukan penyelidik

## **Eric Lee**

Sebelum ini, Eric adalah peguam di firma Zaid Ibrahim & Co dan perunding pengurusan di Ernst & Young Advisory (Singapore).

Eric memegang beberapa kelulusan iaitu Sarjana Dasar Awam (Master of Public Policy) dari Blavatnik School of Government, Oxford University; Sarjana Undang-undang (LLM (Distinction)) dari University College London sebagai penerima biasiswa Chevening. Eric juga lulus ijazah kelas pertama dalam bidang undang-undang (LLB (First Class)(Hons)) dari University of Wales.

Eric adalah seorang peguam yang berdaftar dengan Gray's Inn di United Kingdom. Eric kini mengetuai I-CPI.



# I-CPI: Pasukan penyelidik

## Najmuddin Noor Azam

Najmuddin mempunyai pengalaman yang luas menguruskan pusat panggilan (*call centre*) dan pernah berkhidmat dengan pusat panggilan CIMB dan UOB mengendalikan pelanggan antarabangsa bagi bank-bank tersebut.

Najmuddin menyertai I-CPI dari industri perbankan dan kini mengetuai Pusat Panggilan Kajiselidik I-CPI.

Beliau bertanggungjawab menguruskan operasi Pusat Panggilan Kajiselidik I-CPI agar menepati kehendak piawaian antarabangsa.



# Latar belakang Kajiselidik PRU14


- Kami menelefon 8.36 juta pengundi secara rawak dengan menggunakan sistem “interactive voice response” (IVR) yang dibangunkan sendiri oleh I-CPI.
- Dari 8.36 juta nombor telefon yang didail, seramai 104,340 orang telah melengkapkan kajiselidik sehingga ke soalan berkenaan pilihan mereka di dalam pertandingan 3 penjuru.
- Kajiselidik dijalankan dalam bahasa Melayu di antara 25 Disember 2016 hingga 15 Januari 2017. Panggilan kembali dikendalikan oleh operator Pusat Panggilan Kajiselidik I-CPI.
- Kajiselidik dilengkapi dengan soalan demografi seperti umur, jantina, kawasan dan kaum.






# Profail 8.36j pengundi yang didail

Pecahan 8.36 juta pengundi yang didail mengikut kaum



# Profail 8.36j pengundi yang didail

Pecahan 8.36 juta pengundi yang didail mengikut umur



# Demografi pengundi berdaftar

	Age 21-29	Age 30-49	Age 50+
Melayu	78%	59%	49%
Cina	13%	24%	33%
India	4%	7%	8%
Bumiputra Sabah	3%	5%	4%
Bumiputra Sarawak	1%	4%	5%
Orang Asli, Lain-Lain	1%	1%	1%



# Demografi pengundi berdaftar

- Ada hubungkait yang jelas di antara umur dan kaum pengundi berdaftar:
  - i. Di kalangan pegundi berdaftar berumur 50+, 49% adalah Melayu dan 33% adalah Cina;
  - ii. Di kalangan pengundi berdaftar berumur antara 21-29, 78% adalah Melayu dan 13% adalah Cina.



# Demografi pengundi berdaftar

- Hubungkait ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor seperti:
  - i. Kadar kelahiran
  - ii. Jangka hayat
  - iii. Migrasi
  - iv. Minat pengundi untuk mendaftar
  - v. Kelulusan pendaftaran oleh SPR



# Keputusan Kajiselidik PRU14

**Dalam pertandingan 3 penjurong di antara Barisan Nasional, Pakatan Harapan dan PAS, gabungan atau parti mana yang anda akan undi?**

Tekan 1 *untuk Barisan Nasional, UMNO, MCA atau MIC.*

Tekan 2 *untuk Pakatan Harapan, PKR, DAP, Amanah atau Bersatu.*


Tekan 3 *untuk PAS.*

Tekan 4 *jika anda tidak akan mengundi.*



# Keputusan Kajiselidik PRU14

% undian mengikut gabungan politik  
*Jumlah 104,340 pengundi menjawab*



---

Jumlah pengundi yang memilih PH+ dan PAS melebihi yang memilih BN

---

*Nota:*


*Tahap sokongan PH termasuk PPBM*

*Kajiselidik dijalankan di dalam bahasa Melayu*



# Keputusan Kajiselidik PRU14

% undian mengikut gabungan politik  
*Pengundi Melayu sahaja*



---

Hanya 4 dari 10  
pengundi  
menjawab akan  
mengundi BN

---


*Nota:  
Tahap sokongan PH termasuk  
PPBM  
Kajiselidik dijalankan di dalam  
bahasa Melayu*





# Keputusan Kajiselidik PRU14

% undian mengikut gabungan politik  
*Pengundi Cina sahaja*




Pengundi Cina yang menjawab kepada kajiselidik dalam bahasa Melayu berkemungkinan lebih selesa dengan BN

*Nota:  
Tahap sokongan PH termasuk PPBM  
Kajiselidik dijalankan di dalam bahasa Melayu*



# Keputusan Kajiselidik PRU14

% undian mengikut gabungan politik  
*Pengundi India sahaja*



---

Sokongan bukan Melayu kepada PAS dalam pertandingan 3 penjuru adalah minima pada 3%

---

*Nota:*  
Tahap sokongan PH termasuk PPBM  
Kajiselidik dijalankan di dalam bahasa Melayu



# Keputusan Kajiselidik PRU14

## Di kalangan pengundi yang memilih PAS

**Dalam perlawanan satu lawan satu di antara Barisan Nasional dan Pakatan Harapan, gabungan politik mana yang anda akan undi?**

Tekan 1 *untuk Barisan Nasional, UMNO, MCA atau MIC.*


Tekan 2 *untuk Pakatan Harapan, PKR, DAP, Amanah atau Bersatu.*

Tekan 3 *jika anda tidak akan mengundi.*



# Keputusan Kajiselidik PRU14

% undian mengikut gabungan politik  
*Pengundi PAS sahaja*



---

Pengundi PAS lebih cenderung mengundi PH berbanding BN pada nisbah 2:1

---

*Nota:  
Tahap sokongan PH termasuk PPBM  
Kajiselidik dijalankan di dalam bahasa Melayu*



# Keputusan Kajiselidik PRU14

- Dalam pertandingan 3 penjuru, sokongan pengundi kepada Barisan Nasional berada pada tahap yang paling rendah sejak berpuluh tahun
- Dalam pertandingan 3 penjuru, PAS berkemungkinan besar akan hilang semua kerusi DUN dan Parlimen di seluruh negara
- Dalam pertandingan 3 penjuru, PH (dan PPBM) berkemungkinan besar akan mengekalkan kerajaan Selangor dan Pulau Pinang



# Senario keputusan PRU14 mengikut tahap sokongan

<i>Jumlah kerusi parlimen dimenangi</i>	<b>BN</b>	<b>PH+</b>	<b>PAS</b>
3-penjuru; jika jumlah tidak mengundi kekal & sokongan pengundi Cina seperti PRK Kuala Kangsar/Sg Besar	168	54	0
3-penjuru; jika jumlah tidak mengundi kekal & sokongan pengundi Cina seperti PRU13	130	92	0



# Senario keputusan PRU14 mengikut tahap sokongan

<i>Jumlah kerusi parlimen dimenangi</i>	<b>BN</b>	<b>PH+</b>	<b>PAS</b>
3-penjurur; jika separuh dari jumlah tidak mengundi mengundi PH+ & sokongan pengundi Cina seperti PRK Kuala Kangsar/Sg Besar	135	87	0
3-penjurur; jika separuh dari jumlah tidak mengundi beralih PH+, 38% pengundi PAS beralih kepada PH+ & sokongan pengundi Cina seperti PRK Kuala Kangsar/Sg Besar	125	97	0



# Senario keputusan PRU14 mengikut tahap sokongan

<i>Jumlah kerusi parlimen dimenangi</i>	<b>BN</b>	<b>PH+</b>	<b>PAS</b>
3-penjuru; jika separuh dari jumlah tidak mengundi beralih PH+, 38% pegundi PAS beralih kepada PH+ & sokongan pengundi Cina seperti PRU13	96	126	0





# Pemerhatian utama

- Jangkaan bahawa BN akan menang mudah dalam pertandingan 3 penjurong dibuktikan tidak tepat berdasarkan kajiselidik 104,340 pengundi di seluruh negara
- PAS berkemungkinan akan hilang semua kerusi Parlimen dan DUN dalam pertandingan 3 penjurong
- Cabaran utama PH untuk menang dalam pertandingan 3 penjurong:
  - i. Memenangi pengundi yang mual dengan keadaan politik semasa
  - ii. Mengekalkan tahap sokongan pengundi bukan Melayu di paras PRU13



# Terima kasih

Laporan penuh akan diterbitkan tidak lama lagi dan dijual mengikut jenis maklumat.

Jika anda berminat, sila email [cpi@invokemalaysia.org](mailto:cpi@invokemalaysia.org) jika berminat atau lawati <http://cpi.invokemalaysia.org> untuk maklumat lanjut

